

## **Kerja baik pulih landasan 42 kilometer 32 peratus siap**

---

Pembinaan projek infrastruktur Landasan Kereta Api Berkembar Lembah Klang (KVDT) yang dimulakan pada Mei tahun lalu, kini mencapai 31.62 peratus dan boleh disiapkan mengikut jadual akhir 2019.

Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai, berkata projek pembinaan dalam dua peringkat dengan fasa pertama yang rancak dibina sekarang membabitkan peruntukan RM1.41 bilion.

Katanya, projek itu meliputi kerja membaik pulih landasan sepanjang 42 kilometer antara Rawang, Selangor ke Salak Selatan dan Sentul ke Simpang Batu, di sini untuk meningkatkan mutu perkhidmatan kereta api.

Beliau berkata, projek membaik pulih KVDT bagi 17 stesen itu merangkumi penambahbaikan landasan, sistem semboyan dan komunikasi, sistem elektrifikasi dan menaik taraf kemudahan seperti pembinaan platform berbumbung dan tandas khas. "Projek meliputi KTMB (Keretapi Tanah Melayu Bhd) Komuter dan perkhidmatan tren elektrik (ETS) apabila siap menjadikan masa menunggu hanya 7.5 minit berbanding 15 minit ketika ini yang memanfaatkan rakyat, sekali gus melengkapkan prasarana pengangkutan awam di Lembah Klang. "Projek ini bertepatan transformasi pengangkutan awam terutama di Lembah Klang, sejajar Transformasi Nasional 2050 (TN50)," katanya ketika merasmikan projek KVDT di Kuala Lumpur sentral, di sini semalam.

Umum jentera Razak 1.

Tiong Lai bersama timbalannya, Datuk Abdul Aziz Kaprawi dan Pengerusi Dhaya Maju Infrastructure (Asia) Sdn Bhd (DMIA), Tan Sri Mohd Azumi Mohamed turut meninjau projek berkenaan.

DMIA adalah kontraktor projek berkenaan. Pada majlis itu, Tiong Lai turut mengumumkan nama jentera canggih untuk projek itu yang dikenali Razak 1.

Projek berkenaan untuk meningkatkan kapasiti dan memastikan tahap perkhidmatan komuter sebagai pilihan utama mobiliti pengguna di Lembah Klang sejajar Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA).

Dalam pada itu, Tiong Lai berkata, pengguna jalan raya tidak akan didakwa di mahkamah dua kali bagi kesalahan tunggal yang berdaftar mengikut Sistem Pemberian Mata Demerit Kesalahan Jalan Raya (KEJARA) dan Sistem Penguatkuasaan Automatik (AES).

Katanya, beliau akan mengarahkan Ketua Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Datuk Nadzri Siron untuk memberi penjelasan secara terperinci mengenainya kepada orang ramai.